

SOALAN NO. 395

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah dan kawalan yang boleh dikuatkuasakan untuk membendung dan memeriksa gajet anak-anak berusia bawah 17 tahun bagi memastikan mereka tidak terdedah atau mengakses laman-laman sosial yang boleh membawa impak dan sejauh mana keberkesanan kempen '*No Gadget Hour*' yang diperkenalkan Kementerian bagi memastikan ibu bapa menggunakan masa lebih berkualiti bersama anak-anak.

212

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin tentang penglibatan kanak-kanak dalam dunia siber kerana aktiviti ini mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko seperti *cyber-bullying*, *cyber-grooming*, pencurian identiti (*identity theft*), pornografi kanak-kanak (*child pornography*) dan keganasan.

Sehubungan itu, sebagai langkah membendung kanak-kanak di bawah 18 tahun tidak terdedah kepada laman web yang memberi kesan kepada diri mereka, KPWKM telah mengambil langkah seperti berikut:

- (i) melancarkan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber pada 11 Februari 2015 yang bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada ancaman siber. Sebanyak 20 strategi telah dirangka berasaskan empat (4) aspek utama iaitu advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan. Pelan Tindakan ini merangkumi program dan

tindakan bersepadu yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam melindungi kanak-kanak dalam dunia siber serta sebagai pemangkin dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen setiap anggota masyarakat terutamanya ibu bapa, penjaga, guru, komuniti dan NGO.

- (ii) membangunkan Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) pada tahun 2016. Fokus utama Modul PEKA adalah untuk memastikan aspek keselamatan anak-anak menjadi tanggungjawab bersama bukan sahaja ibu bapa, penjaga tetapi juga ahli masyarakat. Pendidikan mengenai keselamatan siber turut terkandung dalam modul ini di mana ibu bapa dan penjaga dibekalkan dengan pengetahuan untuk bersama anak-anak semasa menggunakan Internet. Pelaksanaan program PEKA ini melibatkan ibu bapa di peringkat komuniti, melalui mekanisme pelaksanaan secara NBOS bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan Perkumpulan Wanita (PERWANI).

Dalam hal kajian keberkesanan kempen berkenaan, satu tinjauan pendapat telah diadakan semasa sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan

204

1Malaysia (BKK1M) ini, berkaitan peranan dan penglibatan ibu bapa dalam mendidik anak-anak serta pengaruh *gadget* dalam institusi kekeluargaan. Hasil tinjauan berkenaan mendapati:

- sebanyak 78.3 peratus ibu bapa membenarkan anak-anak mereka memiliki dan menggunakan *gadget*;
- 48.0 peratus ibu bapa menghadkan masa penggunaan sebagai salah satu kaedah pengawalan *gadget*;
- 24.3 peratus ibu bapa akan memeriksa perisian *gadget* anak-anak; dan
- 15.1 peratus akan melarang penggunaan jika berlaku kesalahan dan 3.7% ibu bapa tidak memantau penggunaan *gadget* anak-anak.

Justeru, adalah diharapkan agar segala kempen dan langkah yang diambil dapat membantu dan mendidik ibu bapa dan kanak-kanak dalam mengawal penggunaan *gadget* secara bijak dan selamat.